

3757/2
Ekonomi
Asas
Kertas 2
Nov/Dis.
2007
2 jam

**LOGO
DAN
NAMA
SEKOLAH**

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab tiga soalan daripada BAHAGIAN A dan satu soalan di bahagian B*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan yang ditunjukkan dalam kurungan*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah
SULIT

3757/2 2007 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

BAHAGIAN A
Jawab mana-mana 3 soalan sahaja

Soalan 1 (a) dan (b) adalah berdasarkan pernyataan di bawah.

Dalam sistem ekonomi Negara M,

“ Individu dan swasta bebas memiliki sumber ekonomi, namun begitu pihak kerajaan turut memiliki faktor pengeluaran untuk mengeluarkan barang awam ”

1. (a) Bagaimanakah sistem ekonomi di atas menyelesaikan masalah asas ekonomi ? [12 markah]

(b)

Encik Azman ialah memiliki 10 hektar ladang nenas di Pekan. Kini pekerja di ladangnya berjumlah 25 orang dan purata pengeluaran nenas sehari ialah 1 000 biji. Sebahagian nenas tersebut ditinkan di kilang milik beliau menggunakan mesin berteknologi moden.

Jelaskan sumber-sumber ekonomi yang terlibat dalam pernyataan di atas. [6 markah]

- (c) Terangkan punca-punca pendapatan individu. [7 markah]

2. (a) Huraikan konsep-konsep yang berikut :

- i. Upah benar
- ii. Untung
- iii. Permintaan
- iv. Kos tetap

[8 markah]

- (b) Berikut adalah jadual pengeluaran jangka pendek bagi Firma Gemilang


Buruh (unit)	Input Tetap (unit)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran Sut (unit)
0	10	-	-	-
10	10	30		
20	10		4	
30	10	60		
40	10	75		1.5
50	10		7.5	
60	10			-1

JADUAL 1

Lengkapkan jadual 1 di atas.

[5Markah]

Penawaran kereta Avanza oleh Syarikat Toyota bagi tahun 2004 hingga 2006




RAJAH 1

- (c) Berdasarkan Rajah 1, terangkan faktor-faktor yang menyebabkan kilang Toyota bertindak demikian. [12Markah]
3. Jadual 2 di bawah menunjukkan permintaan pisang oleh Cik Nadia dan Encik Saharuddin.

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan Pisang (Kg)	
	Cik Nadia	Encik Saharuddin
5	10	12
6	8	10
7	6	8

JADUAL 2

- (a) Berdasarkan jadual 3, lukis dan terangkan pembentukan keluk permintaan pasaran bagi pisang [10Markah]
- (b) Masalah sistem barter membawa kepada pengenalan Ringgit Malaysia. Jelaskan bagaimana RM dapat mengatasi kelemahan sistem barter. [8 Markah]
- (c) Terangkan sumbangan institusi kewangan bukan bank terhadap ekonomi negara Malaysia [7 Markah]
- 4.



RAJAH 2

- (a) Jelaskan faktor yang mendorong perubahan struktur ekonomi seperti dalam rajah di atas. [10 markah]

- (b) Terangkan perbezaan perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. [8markah]

" HARGA BARANG SEMAKIN MENJINGKAT "

- (c) Bagaimanakah belanjawan dapat mengawal keadaan di atas. [7markah]
- 5 (a) Huraikan secara ringkas butir-butir akaun semasa dalam imbangan pembayaran bagi negara Malaysia [8 markah]
- (b) Bezakan perdagangan antarabangsa dan perdagangan dalam negeri. [10 markah]

Kadar pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Paun sterling dalam tahun 2006 ialah 1 pound sterling = RM6.50 dan dalam tahun 2007, 1 pound sterling = RM7.00.

- (c) Berdasarkan kenyataan di atas, terangkan implikasi perubahan kadar pertukaran asing terhadap jumlah import dan eksport Malaysia pada tahun 2007 [7 markah]

BAHAGIAN B

[25 Markah]

Soalan ini wajib dijawab

6.

Encik Zakimi merupakan seorang penolong pengurus di Syarikat Budiman Sdn Bhd. Isteri beliau seorang suri rumah sepenuh masa. Beliau mempunyai lima orang anak yang masih bersekolah. Setiap bulan, Encik Zakimi menerima gaji sebanyak RM3 000 dan hasil sewa ladang kokonya RM 500 di Kampung Mahligai Wawasan. Beliau juga membuat beberapa pembayaran tahunan seperti 11% potongan gaji kepada KWSP, perbelanjaan rawatan ibunya sebanyak RM1 200 dan bayaran zakat sebanyak RM50.

Encik Zakimi telah diminta oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya menjelaskan cukai pendapatannya. Pengiraan cukai beliau adalah berdasarkan maklumat berikut:

Pelepasan cukai		Kadar cukai ke atas pendapatan boleh cukai	
Diri	RM 8 000	RM2500 pertama	0%
Isteri	RM 3 000	RM2500 berikut	1%
Anak	RM1 000	RM5000 pertama	3%
KWSP dan Insurans nyawa	maksimum RM5 000	RM10 000 berikut	5%
Perubatan ibu bapa	maksimum RM5 000	RM15 000 berikut	7%

--	--

Setelah membayar cukai pendapatan, lebih wang daripada pendapatan boleh gunanya telah digunakan untuk perbelanjaan harian, tetap dan perbelanjaan luar jangkaan. Encik Zakimi sangat berhati-hati dalam menguruskan perbelanjaannya. Oleh itu 20% daripada pendapatannya disimpan di bank untuk kegunaan pendidikan anak-anaknya.

Encik Zakimi sangat berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Beliau memilih untuk membuka kilang tenunan songket di Kuala Terengganu. Sebagai seorang Islam, beliau ingin mengadakan perkongsian dengan pihak bank di mana keuntungan dan kerugian ditanggung bersama antara pihak bank dan pengusaha. Oleh itu beliau memilih skim Mudharabah yang ditawarkan oleh Bank Muamalat.

Pada bulan Januari lepas, Encik Zakimi telah menghadiri Ekspo Perdagangan di Turki. Ramai pengeluar tekstil dari Negara Eropah terutama Turki berminat untuk mengimport songket keluaran kilang Encik Zakimi. Encik Zakimi amat bersyukur kerana pasaran songket keluarannya bertambah luas.

- (a) Hitungkan
- i. cukai pendapatan
 - ii. pendapatan boleh guna Encik Zakimi
- [10 markah]
- (b) Terangkan tujuan lain Encik Zakimi membuat tabungan. [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda adakah wajar Encik Zakimi memilih skim tersebut. Berikan alasan anda [4 markah]
- (d) Selain faedah yang diperoleh Encik Zakimi di atas, huraikan kebaikan- kebaikan lain perdagangan antarabangsa. [5markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

